

# Waspada akaun palsu di media sosial

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengingatkan orang awam supaya sentiasa berwaspada terhadap akaun palsu di media sosial yang sengaja diwujudkan bagi tujuan penipuan dan hasutan.

SKMM dalam kenyataan berkata, selain mencetuskan permusuhan, perpecahan dan suasana tidak tenteram melalui hasutan, akaun palsu juga digunakan untuk kegiatan penipuan yang menyebabkan kerugian jutaan ringgit saban tahun.

“Penjenayah siber dikesan menggunakan pelbagai taktik licik untuk menjalankan penipuan, termasuk ada yang menyamar menggunakan profil ahli keluarga, kenalan mangsa, orang kenamaan atau individu serta syarikat terkenal.

“Sehubungan itu, orang awam perlu berhati-hati dan peka terhadap beberapa ciri bagi menge-

nal pasti akaun palsu khususnya ketika berurusan melalui akaun media sosial yang baru dikenali dan membabitkan transaksi kewangan atau jual beli,” katanya.

Menurut kenyataan itu, orang awam perlu berhati-hati dengan akaun yang baru diaktifkan dalam tempoh beberapa bulan kerana ia diwujudkan bagi mengaburi jejak pihak berkuasa atau pembongkaran oleh mangsa penipuan sebelum ini.

“Selain itu, akaun palsu biasanya tidak menggunakan nama sebenar. Nama yang digunakan ialah nama samaran atau nama orang terkenal.

“Teliti juga sekiranya ada maklumat peribadi yang meragukan, biodata disembunyikan atau tidak realistik,” katanya.

SKMM turut menasihati orang awam supaya berhati-hati jika sebuah akaun itu mempunyai senarai rakan yang terlalu sedikit, jumlah ‘likes’ atau ‘following’ ti-

dak seimbang, selain jika didapati ia aktif secara tidak konsisten, bahkan ada ketika dinyah aktif.

Dalam pada itu, SKMM turut menyarankan orang awam supaya mengelak daripada memperkatakan isu sensitif berkaitan agama, kaum, institusi diraja dan politik yang cuba diapi-apikan


oleh pemilik akaun palsu.

“Langkah ini dapat melindungi orang ramai daripada tindakan undang-undang sekiranya didapati terbabit dengan kenyataan berunsur fitnah, hasutan atau menggugat ketenteraman awam.

“Orang awam juga perlu sentiasa berhati-hati dan peka kepada percubaan menipu oleh mereka yang tidak mempedulikan undang-undang dan ketenteraman awam,” katanya.

SKMM turut menegaskan, pihaknya, Polis Diraja Malaysia dan agensi yang berkaitan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang menggunakan internet dan media sosial bagi tujuan jenayah dan hasutan.

“Bantuan teknikal dan pangkalan data daripada agensi antarabangsa khususnya INTERPOL (Agensi Polis Antarabangsa) bagi mengesan penjenayah siber,” katanya.

 **Akaun palsu biasanya tidak menggunakan nama sebenar. Nama digunakan ialah nama samaran atau nama orang terkenal.**

**Kenyataan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**